

kepada umum supaya mendapat tempat yang sihat dan menjaukan daripada duduk berasak-asak di dalam rumah-rumah lama yang biasa berlaku.

Umat semakin bertambah dan dengannya maka kesihatan rakyat mustahak pula menjadi perhatian kerajaan.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk menghadapi ini. Klinik-klinik dibuka di sana sini bagi memudahkan rakyat jelata mendapat perhatian dengan percuma. Langkah ini patut dipuji. Beribu-ribu manusia setiap hari datang berubat ke sana. Adakah langkah kerajaan ini akan berjaya dan kesihatan rakyat akan terjamin?

Soal ini patut menjadi tanda tanya kepada pegawai-pegawai kesihatan, kerana tidak bererti segala usaha mencegah penyakit kalau punca datangnya penyakit tidak dikawal. Menurut pendapat kita, kerajaan patut memerhatikan hal-hal penjaja yang berjaja barang makanan di tepi jalan yang tumbuh merebak di sana sini. Ini terjadi sama ada makanan yang dimasak atau yang tidak dimasak.

Di sekeliling rumah-rumah yang indah; di lorong-lorong yang terkemuka di sana dibangunkan bangsal-bangsal jualan dengan semau-maunya. Di sana becak dan di tengah-tengah jalan berjalannya motokar yang menggunakan enjin-enjin diesel yang mengeluarkan asap-asap terus hinggap kepada barang-barang yang dimakan.

Dahulu, di dalam masa penjajah, jualan seperti ini sangat-sangat ditegah dan penjaja-penjaja ditangkap tetapi berhubung keadaan badan-badan politik sekarang, penjaja-penjaja yang tidak teratur dengan rapi dan berbuat semau-maunya sahaja, adalah terbiar dan membuat kekotoran di mana-mana. Ini sudah tentu membawa kepada benih-benih yang merosakkan kesihatan rakyat.

Dengan perbuatan-perbuatan kerajaan membiarkan penjaja-penjaja semau-maunya itu bolehlah disifatkan bererti membiarkan wabak penyakit merebak dan usaha menggalang penyakit tidak bermakna membawa faedah lagi. Oleh itu kita berharap kerajaan hendaklah bertindak bagi menghapuskan

kekotoran-kekotoran di jalan-jalan dan di tepi-tepi bangunan serta mengatur pasar-pasar sementara yang kotor keadaannya kerana berbahaya kepada kesihatan kesejahteraan rakyat.

* * *

Ke Mana PAS Dibawa?

Umum mengetahui bahawa PAS ialah sebuah pertubuhan Islam yang berdasarkan untuk menyampaikan supaya hukum Islam berdaulat di negeri ini dan dasarnya keluar adalah yang utamanya merapatkan ukhuwah Islamiah di antara umat Islam sedunia – dan menghapuskan penjajahan dari segala seginya. Fahaman ini umum diketahui oleh umat Islam, terutamanya yang ada menaruh simpati kepada PAS.

Corak PAS banyak mengutamakan kepada dasar *nationalist* yang dianut oleh *Malay Nasionalist Party* (M.N.P) telah dapat dilihat beberapa masa masa yang lalu tetapi tidak berapa jelas benar. Kita telah pernah menulis dalam perkara ini untuk menarik perhatian pengikut-pengikut PAS dalam perkara ini untuk menarik perhatian pengikut-pengikut PAS yang dipimpin oleh kebanyakan pemimpinnya dari parti yang tersebut.

Sebagaimana cara M.N.P. menari maka nampaknya tarian itu juga sekarang dibawa di dalam PAS dengan cuba menggunakan kekuatan luar atau hampir dengan pertubuhan luar yang berhaluan kiri untuk mencari kerjasama.

Tarian ini semakin jelas kelihatan apabila terjadi peristiwa berdarah di Brunei yang dipelopori oleh parti rakyat Brunei.

Di dalam *Parliament* Persekutuan Tanah Melayu, menerusi Hassan Adli, ahli PAS, telah membela pemberontakan berdarah di Brunei dan membela kerajaan Indonesia dengan mencabar pihak kerajaan kerana kononnya “telah memberi tempat kepada kaum pemberontak Indonesia” tinggal di Malaya



President Sukarno penaja "NASAKOM".

dalam masa pemberontakan berlaku di Sumatera kerana menentang kuasa Sukarno.

Di Dewan Senat pula terdengar suara Amaluddin Darus membangkit-bangkit persoalan Indonesia sambil mengucapkan dukacita lalu me'aminkan¹ peristiwa yang menghinakan pemimpin yang memegang teraju pemerintahan sekarang. U. Amaluddin Darus berdukacita atas peristiwa pembakaran "patung" Tengku Abdul Rahman di hadapan khalayak ramai lalu menghubungkan perkara itu sebagai balasan Tuhan ke atas Tengku kerana membakar *Qalam* dan *Warta* hampir-hampir sepuluh tahun dahulu.

Di dalam Persidangan Agung PAS di Melaka pula Yang Dipertuanya, Dr. Burhanuddin, telah tegas-tegas membidas kerajaan Malaya dan terang-terang menyebelahi Indonesia (Sukarno). Ia menyuarakan pula sebagai suara yang sama dengan Indonesia (Sukarno) terhadap kepada peristiwa

Brunei yang dipandang umum sebagai suatu cita-cita Azhari (Brunei) hendak menguasai semula Sabah dan Sarawak terletak di bawah "Brunei Merdeka" di bawah bendera Parti Rakyat yang dipimpinnya yang ditajanya dengan penumpahan darah.

Peristiwa Brunei ini dengan dengan sendirinya menerbitkan salah faham di antara Malaya dengan Brunei. Radio Indonesia (Sukarno) dan surat-surat khabar Indonesia (yang dipimpin). Telah dengan lantang menyerang Malaya di dalam peristiwa Brunei itu dengan mengada-ngadakan barang yang bukan-bukan (semberono).

Ini tidak menghairankan kerana dasar kerajaan Sukarno adalah bertujuan sesudah Irian, ke Pulau Timur dan Borneo utara (Sabah, Brunei dan Sarawak) dan akhirnya Semenanjung Tanah Melayu. Ini bukan menjadi rahsia lagi kepada orang-orang di dunia.

Untuk menghadapi peristiwa dari luar ini, pihak pembangkang, terutamanya PAS, mestilah kompak, bekerjasama dengan pemerintah sebab sekiranya pemimpin-pemimpin PAS hanya melepaskan sedap bercakap dan melepaskan geram sahaja, tidak memikirkan akibat yang bakal terjadi kepada tanah air kita ini terhadap kepada "cita-cita" dari kuasa luar yang bersifat diktator itu sudah tentu dengan sendirinya pertentangan politik kita sesama kita akan dijadikan bahan oleh "orang-orang luar" untuk memecahkan persatuan dan untuk meracun rakyat, yang lambat sangat akan dijadikan alat untuk meruntuhkan pertahanan Semenanjung Tanah Melayu ini dari "rempuhan dari luar" yang sekarang sudah pun giat bekerja dengan melakukan "penjajahannya" dengan melalui sastera dan kebudayaan di kalangan pemuda-pemuda kita yang mabuk kepada keindahan dari luar itu.

Ucapan Hassan Adli di *Parliament* dan ucapan Dr. Burhanuddin adalah membawa perkara-perkara yang menimbulkan beberapa prasangka atas perjalanan PAS menghadapi perkara-perkara dari luar. Hassan Adli melupakan sama sekali bagaimana kekejaman tentera Indonesia

¹ Perkataan sebenar ialah mengaminkan.

(Sukarno) menindas gerakan Islam di Indonesia. Rumah dibakar masjid diceroboh, wanita diperkosa dan dianiaya – keganasan dilakukan oleh tentera-tentera Sukarno dari Jawa menindas gerakan Islam di daerah yang ganasnya lebih ganas daripada tentera Jepun.

Bangsa Jawa yang sudah dilaparkan, diberi bersenjata dan diberi makanan kemudian dihannarkan² ke daerah melakukan keganasan menindas umat Islam, penindasan gerakan Islam di Indonesia, tidak sedikit³ pun disuarakan oleh PAS. Perkara yang mengenai seksaan yang dilakukan kepada saudara-saudara Islam di Indonesia yang bercita-cita mendirikan *kalīmatu Allāhu hiya al-‘ulyā* (kalimah Tuhan yang Maha Tinggi), tidak sedikit pun dikenang. Pemimpin-pemimpin Islam yang jujur dikurung dan diseksa dan diburu oleh tentera Sukarno, tidak sedikit pun dirasa dan diucapkan oleh pemimpin-pemimpin PAS. Di manakah rasa ukhuwah Islamiah itu apakah pemimpin-pemimpin PAS tidak merasa dan tidak melihat bahawa penjajahan Sukarno dengan Jawanya ke daerah-daerah luar Jawa itu bukan sebagai penjajahan terhadap kepada gerakan Islam? Apakah pemimpin-pemimpin PAS tidak mendengar dan tidak melihat bahawa gerakan Islam yang jujur di Indonesia ditindas oleh Sukarno dengan kekerasan? Apakah PAS akan kompak dengan dasar Sukarno dengan “NASAKOMnya” iaitu boleh bersama sehidup semati dengan dasar-dasar *Communist* dan kebangsaan di manakah khittah perjuangan Islam PAS?

Kalau kita berjuang di atas dasar Islam maka sifat Islam itu menghendaki tiap-tiap perjuangannya tegas dan jelas. Menjauhkan perkara-perkara yang membawa kemudatan di atas kita, di dalam negeri kita, yang boleh digunakan oleh “musuh” untuk membawa kebinasaan hendaklah dijauhkan. Pemimpin-pemimpin Islam mesti berhati lapang dan luas – jauh daripada pendedam⁴ dan jauh daripada sentiasa mengambil peluang menyerang serta lebih banyak memaafkan.

Di dalam menghadapi persoalan-persoalan dari luar, perkara membangkit-membangkit tidak molek didatangkan. Perkara-perkara yang telah lalu jangan dijadikan senjata untuk menentang orang-orang yang tidak sefaham dengan kita kerana yang demikian tidak memberi faedah dan tidak membawa keuntungan untuk kita. Perkara pembakaran dan perkara perlindungan – tidak perlu dibangkit-bangkit kerana perkara itu perkara yang sudah dan telah lalu. Orang-orang Islam mesti berlapang dada daripada menyebut-nyebut hal-hal yang telah lalu itu kerana faedahnya tidak ada selain daripada menyedapkan berkata-kata dan berucap sahaja. Gunakanlah kebijaksanaan di dalam menghadapi semua hal. Bawalah perkara-perkara yang membawa faedah dan jauhkan daripada perkara-perkara yang membawa mudarat.

Kekasaran orang terhadap kepada perjuangan Islam hendaklah disambut dengan dada yang lapang – bukan mengikuti tarian orang yang datang sebab yang demikian bukan cara Islam. Beri pengertian kepada umum nentang⁵ perjuangan dengan cara yang baik. Dengan ini kelak umum akan memberi timbangannya. Ingatkan kepada pemimpin-pemimpin: sebagai pemimpin Islam, bukanlah sebagai pemimpin kebangsaan. Segala gerak-geri dan perangai serta budi bahasa adalah diperhati orang dan akan dijadikan orang ukuran terhadap kepada tulusnya perjuangan seseorang. Tiap-tiap patah perkataan dan tiap-tiap gerak mesti difikirkan lebih dahulu – tidak hanya bertujuan mengapi-apikan sahaja. Ikhlas di dalam melaksanakan tugas hendaklah jadi dasar.

Sekiranya pemimpin-pemimpin PAS tidak melakukan cara-cara yang diajarkan oleh Islam, maka lebih baik bagi mereka mengubah sahaja dasar perjuangannya dari dasar Islam kepada dasar kebangsaan. Bekerjasama dengan musuh atau orang-orang yang bertentangan fahaman seperti dengan *Communist* – lebih banyak mudaratnya daripada membawa keuntungan. Ingatlah hendaknya akan bahaya-bahaya yang boleh menghilangkan kepercayaan umat Islam sendiri kepada perjuangan PAS adanya.

² Perkataan sebenar ialah dihantarkan.

³ Perkataan sebenar ialah sedikit.

⁴ Perkataan sebenar ialah pendendam.

⁵ Perkataan sebenar ialah tentang.